

26/01/1999

Pelabur asing setia wajar diberi insentif

Kadir Dikoh

DASAR sistem cukai keluar yang bakal diperkenalkan kerajaan perlu mempertimbangkan insentif kepada pelabur asing yang lama menyimpan modal di negara ini, kata pakar penyelidikan ekonomi dan penganalisis pasaran.

Mereka berpendapat, jika insentif dalam bentuk kadar cukai yang berkurangan diberi kepada mereka yang lama menyimpan modal di negara ini, pengurus dana asing akan terus melabur di Malaysia kerana insentif seumpama itu dapat mengurangkan beban.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada pertemuan tertutup dengan 28 pengurus dana asing semalam dilaporkan memberi jaminan kerajaan sedang mengkaji kemungkinan memperkenalkan cukai keluar itu.

Pertemuan itu dianjurkan penasihat kewangan kerajaan, Salomon Smith Barney.

Pengurus dana asing itu kebanyakannya dari Amerika Syarikat dan Eropah mewakili Prudential Investment Management, Loomis, AIG London, Black Rock Financial, TCW, Guinness Flight Hambro Asset Management, Columbus Advisors, Fineco dan SF Sentry.

Pengarah Eksekutif Pusat Penyelidikan Strategik Malaysia (MSRC), Abdul Razak Baginda, berkata sistem cukai keluar adalah jalan terbaik tetapi kerajaan perlu memperhalusi lagi mekanismenya.

"Misalnya, kadar cukai harus dikurangkan terhadap mana-mana modal asing yang berada lebih lama di negara ini," katanya.

Beliau berkata, sebelum memperkenalkan sistem cukai keluar itu, kerajaan perlu mengadakan rundingan dengan pengurus dana asing dan masyarakat pelabur antarabangsa bagi mengelak sebarang implikasi buruk.

Katanya, antara implikasi buruk ialah kemungkinan pelabur memikirkan sama ada mereka menarik dana keluar atau tidak sebelum September ini, mereka tidak terlepas daripada dikenakan cukai.

"Sesetengahnya mungkin tidak mahu kembali melabur apabila menarik dana keluar selepas September ini."

"Oleh itu, rundingan lanjut perlu diadakan dengan pelabur terbabit," katanya.

Pengarah Institut Strategik dan Kepemimpinan Asia (Asli), Tan Sri Ramon Navaratnam yang juga penasihat korporat Kumpulan Sungeiway, berkata pihaknya percaya kerajaan akan memperkenalkan sistem cukai keluar itu tidak lama lagi.

"Ini sukar tetapi saya percaya mereka (kerajaan) sudah mengumumkan hasrat membuat kajian lanjut terutama berkaitan syarat pegangan setahun portfolio pelaburan sejak September."

"Saya berpendapat lama-kelamaan sistem cukai keluar ini diwujudkan," katanya.

Seorang penganalisis sebuah firma sekuriti pula berkata, pengaliran keluar dana asing besar-besaran selepas September 1999 mungkin dapat dielakkan jika kerajaan memperkenalkan sistem cukai keluar bagi menggantikan halangan 12 bulan terhadap pelabur asing mengeluarkan modal asal mereka yang diperkenalkan September lalu sebagai sebahagian langkah drastik kerajaan.

(END)